

12/04/2002

Senario politik Umno Kelantan perlu disejukkan

Veena Rusli; Manzaidi Mohd Amin

UNGKAPAN 'apabila mata bertentang mata, lidah kelu untuk berkata' sering dikaitkan dengan pasangan yang baru bercinta. Begitupun, ada di kalangan ahli Umno Kelantan berpendapat keadaan itu mungkin berlaku dalam lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Kelantan hari ini.

Bezanya, ia tidak membabitkan orang berkasih sayang tetapi lebih kepada memendam perasaan.

Dr Mahathir selaku Presiden Umno mungkin memandang tepat ke mata mereka yang didakwa mahukan ketua baru di Kelantan - renungan meresahkan yang sarat membawa makna dan boleh ditafsir menzahirkan pelbagai cerita, terutama di kalangan 'hantu' yang disebut sebagai penghalang usaha Barisan Nasional (BN) menguasai semula pemerintahan negeri.

Berikutan laporan New Straits Times (NST), 29 Mac lalu, mengenai majlis makan malam di rumah seorang pemimpin bahagian - kemudian disahkan sebagai kediaman Ketua Umno bahagian Kuala Krai, Datuk Wan Zaid Wan Abdullah - ada ketua bahagian enggan menjawab telefon bimbit, manakala ada juga yang mendakwa salah nombor.

Majlis pada 16 Mac itu yang dihadiri 12 pemimpin tertinggi bahagian kecuali Jeli dan Gua Musang, dikatakan bertujuan membentuk pakatan bagi mengubah wajah Badan Perhubungan Umno negeri.

Tidak kurang yang membalas panggilan, termasuk Wan Zaid yang seperti dilaporkan mengakui sengaja tidak mengundang Ketua Umno bahagian Jeli, Datuk Mustapa Mohamed, dan Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, ke majlis makan malam di rumahnya di Jalan Kadir Adabi, Kota Bharu itu.

Baginya, soal mengguling Mustapa dan beberapa individu dalam Badan Perhubungan Umno negeri tidak berbangkit, sebaliknya yang ditimbulkan ialah perbincangan merangka strategi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Soal nak adakan perjumpaan di rumah siapa tidak timbul kerana kita ikhlas. Ia perjumpaan biasa sesama pemimpin Umno Kelantan untuk melawan Pas.

"Secara peribadi, saya berpendapat Mustapa lebih diperlukan pada peringkat Pusat, bukan di Kelantan. Umno Kelantan memerlukan ketua yang boleh bekerja kuat, agresif dan sepenuh masa, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang," katanya.

Agak menarik perhatian ialah kalimah 'bekerja sepenuh masa' yang rumusan mudahnya bermaksud ketua itu perlu berada di Kelantan 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan 365 hari setahun.

Umno Kelantan mempunyai 14 bahagian, masing-masing diketuai Mustapa (Jeli), Tengku Razaleigh (Gua Musang), Wan Zaid (Kuala Krai), Zaid Ibrahim (Kota Bharu), Dr Nik Mohd Zain Nik Omar (Pengkalan Chepa), Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas), Datuk Annuar Musa (Peringat), Tuan Hashim Tuan Yaakub (Kubang Kerian), Ismail Mamat (Machang), Kamaruddin Mohd Noor (Pasir Puteh), Datuk Nor Zahidi Omar (Tumpat), Mohd Zain Ismail (Rantau Panjang), Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor (Bachok) dan Datuk Hashim Safin (Tanah Merah).

Ironinya, boleh dikatakan sebahagian besar daripada mereka menghabiskan lebih banyak masa di luar Kelantan, terutama di Kuala Lumpur, atas alasan tersendiri.

Paling tidak, mereka pulang dua atau tiga kali seminggu untuk meninjau kawasan sebelum kembali menjadi warga kota, sekali gus menjadikan kelompok

ini sebagai 'ahli politik separuh masa' pada pandangan ahli sendiri.

Sejak Pas memerintah Kelantan mulai 1990, teraju Badan Perhubungan Umno Kelantan dipegang Dr Mahathir sehingga beliau melepaskannya kepada Tengku Razaleigh pada pertengahan 1999 sebelum Mustapa menyambut baton pada 2000 sehingga sekarang.

Seorang bekas Ketua Pemuda Umno Kelantan menyifatkan antara masalah utama yang dihadapi Umno negeri ini ialah terlalu ramai individu yang menganggap mereka berhak menjadi kapten bahtera tanpa mengambil kira haluan mana perlu dituju.

"A menganggap dia layak kerana sudah lama berada dalam Badan Perhubungan negeri, B mencanangkan dia lebih layak kerana petah menghentam lawan, C mengaku dia paling layak kerana sering berada di Kelantan dan semua ini berlaku ketika Umno Kelantan sudah mempunyai ketua.

"Tiada manusia dilahirkan sempurna, justeru mereka perlu akur bahawa jeneral sedia ada adalah pilihan terbaik dan segala kepincangan perlu diatasi bersama, bukannya menyimpan angan-angan untuk mengambil alih kuasa.

"Senario politik di Kelantan memerlukan barisan pimpinan Umno yang lantang bersuara tetapi berlapik bahasa, agresif bertindak namun pantas defensif bila tiba masanya.

"Umno Kelantan perlukan pejuang tulen yang sayangkan Umno kerana asas perjuangannya membela nasib anak bangsa, bukannya lubuk memburu kekayaan peribadi," kata bekas pemimpin Pemuda itu yang enggan namanya disiarkan.

Rekod penyandang jawatan dalam Umno Kelantan, tegasnya, memperlihatkan mereka perlu berkuasa sebagai jaminan sebelum boleh bersuara kerana tanpa locus standi untuk membawa permasalahan anak buah ke peringkat Pusat, peringkat bawahan sukar menanam kepercayaan.

"Sebagai contoh, lihat pengaruh Tengku Razaleigh dalam Umno Kelantan ketika beliau menjadi Menteri Kewangan sekitar 1980-an dan bandingkan apabila beliau dilantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri pada 1999, termasuk sebagai pengarah pilihan raya umum tahun sama.

"Justeru, jika ada ura-ura untuk meletakkan orang biasa menduduki kerusi Pengerusi Umno Kelantan, lupakan saja. Ia mungkin berjaya di negeri lain tetapi bukan di Kelantan.

"Kaedah cuba dulu baru tahu tidak terpakai di Kelantan... semua orang menyedari perkara itu," katanya.

Beliau tidak menolak krisis keyakinan itu mungkin mempunyai hubung kait dengan kedudukan Kelantan sebagai negeri yang majoriti penduduknya berketurunan Melayu, maka budaya bersaing sesama sendiri sentiasa subur bersemarak hingga menjejaskan ukhuwah Islamiah dalam sesetengah keadaan.

Seorang ahli Umno cawangan Bunut Saih, Kuala Krai, berpandangan bahawa pergolakan dalam diam yang sebenarnya kencang menggoyang dahan peringkat atasan sukar dikekang lagi, malah dilihat semakin menular dan meresap ke peringkat akar umbi.

"Kesetiaan saya terhadap Umno tidak pernah terusik tetapi sebagai ahli, saya benar-benar terguris melihat sikap pemimpin parti sama ada pada peringkat negeri mahu pun bahagian yang seolah-olah tidak mengambil berat soal kudis perpecahan yang kini kian hampir untuk merebak sebagai barah.

"Sebelum ini, perpaduan di kalangan ahli biasa mantap walaupun pemimpin atasan lebih sibuk berbalah daripada bertanya khabar. Kami mahu buktikan bahawa gerakan akar umbi Umno di Kelantan masih kukuh dan kebal daripada ancaman parti lawan.

"Apabila pergolakan di atas berlarutan, ikatan kami di bawah sudah tentu kian longgar. Bagaimana kami ingin mempertahankan akar daripada reput sekiranya dahan berpaut saban hari semakin rapuh?

"Kalau pun bangkai gajah dapat ditutup, mampukah kita menahan nafas daripada bau yang menikam hidung?" katanya sambil mengakui impian BN

memerintah Kelantan hanya laku di dada kertas jika pemimpin terus mementingkan agenda peribadi.

Seorang ahli Umno cawangan Bunohan, Tumpat, menyifatkan Mustapa memiliki keperibadian pemimpin yang sukar ditandingi dan antara jurutera terbaik yang berkeupayaan memperbaiki 'kerosakan' dalam jentera Umno negeri.

Dengan sentuhan yang betul, katanya, laluan masa depan Umno Kelantan masih berpeluang meniti lorong gemilang asalkan konsep perpaduan dihayati seperti sepatutnya manakala perkara remeh seperti saling mengata di belakang atau mengedarkan surat layang hanya layak dianggap sebagai 'mainan budak mentah'.

"Kekalahan tiga kali berturut-turut pada pilihan raya umum di Kelantan sejak 1990 memadai untuk menyedarkan setiap ahli Umno di negeri ini mengenai peri pentingnya tenaga disatukan jika kita mahukan kejayaan.

"Masalahnya, kita lebih sibuk bercakaran daripada bermuhasabah mencari pengajaran di sebalik kesilapan lalu. Semua itu cuma menguntungkan parti lawan, terutama Pas. Bila Kelantan akan menjadi milik BN jika ini keadaannya," katanya.

Sambil mengakui perpecahan di kalangan Umno Kelantan adalah 'rahsia terbuka' yang bukan baru melanda, beliau menegaskan situasinya tidak terlalu buruk seperti digambarkan dan Mustapa selaku ketua banyak membantu dalam merapatkan jurang di kalangan ahli.

"Paparan di dada akhbar menggambarkan seolah-olah Umno Kelantan dilanda ribut berpanjangan, namun hakikatnya ia sekadar hujan renyai-renyai melintas angkasa yang pasti reda tanpa mengambil masa lama," katanya.

Natijahnya, yang keruh harus dijernihkan, yang pudar kembali disinarkan dan yang bercahaya perlu terus dinyalakan.

Seperti kata Tengku Razaleigh ketika memohon maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir di Kota Bharu pada 22 Julai 1999 berikutan tindakannya sehingga Umno diisytihar haram pada 1987: "Kita cipta masa depan yang lebih gemilang dan semua pemimpin Umno saling bermaafan. Buang yang keruh demi anak cucu kita yang disayangi, buangkan perasaan itu.

"Cukuplah kita berbalah sesama kita, mengata di belakang. Marilah kita berganding bahu untuk bersama mengangkat martabat bangsa dan negara."

Siapa sekalipun yang menerajui Umno Kelantan, mereka hampir pasti diyakini bukan meminta disanjung sepanjang masa atau dipuji tanpa kesudahan.

Mereka - khususnya Mustapa untuk episod kali ini - sekadar menagih kesetiaan tidak berbelah bagi daripada ahli dan rakyat terhadap perjuangan suci Umno di negeri serba unik ini.

Sejak hampir 12 tahun lalu, Umno Kelantan terpaksa membayar harga yang mahal gara-gara kelalaian sendiri.

Mereka perlu akur bahawa apayang berlaku kini ibarat bara membakar sekam yang semakin galak mencuri ruang dan sebelum maraknya tinggi menjulang, segala-galanya perlu segera disejukkan.

(END)